

## *Meningkatkan Keupayaan Membina Ayat Dengan Menggunakan Kata Tanya*

**Sanisah Rahim**

sanisah\_rahim@schools.gov.sg

**Helmeleya Mohd Jamil**

helmeleya\_a@schools.gov.sg

**Sekolah Rendah Huamin**

### *Abstrak*

Kemahiran membina ayat merupakan peringkat yang tinggi dalam kemahiran menulis secara mentalis bagi murid-murid darjah dua. Murid-murid didapati mengambil masa yang lama dan tidak yakin apabila diminta untuk menulis ayat. Kajian ini dijalankan untuk membantu murid darjah dua meningkatkan kemahiran membina ayat. Kajian ini dijalankan untuk meneliti keberkesanan penggunaan Kata Tanya dalam membina ayat secara berstruktur di samping menilai pemahaman murid-murid dalam pembinaan ayat mengikut konteks. Latihan berperingkat telah dilaksanakan berdasarkan kebolehan akademik murid-murid. Kajian ini juga telah dinilai secara kuantitatif dan kualitatif. Hasil kajian menunjukkan bahawa penggunaan Kata Tanya mampu memudahkan proses mempelajari pembinaan ayat mengikut konteks bagi murid darjah dua.

Kata Kunci: membina ayat, Kata Tanya, kajian kualitatif, kajian kuantitatif, darjah dua



## **PENGENALAN**

Kemahiran berbahasa, khususnya kemahiran menulis, merupakan aspek penting dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Kemahiran menulis wajib dikuasai oleh murid-murid. Ini kerana penulisan merupakan wadah yang membolehkan seseorang untuk mengeluarkan idea, perasaan dan pengalaman. Namun begitu, terdapat sebilangan murid yang masih tidak dapat menguasai kemahiran menulis ini. Kumpulan murid ini didapati mengambil masa yang lama dan tidak yakin apabila diminta untuk membina ayat. Mereka hanya mampu membina ayat dengan tiga hingga 4 patah perkataan berdasarkan latihan harian dan pemerhatian.

Kelemahan membina ayat yang lengkap dan gramatis serta dapat difahami oleh pembaca menyebabkan murid tidak mampu menyampaikan buah fikiran mereka dengan baik. Kelemahan ini akan menjejaskan tahap keyakinan mereka untuk terus berbahasa Melayu, selain menyebabkan mereka tidak berminat dan tidak memberi fokus dalam pembelajaran bahasa Melayu. Masalah membina ayat dalam kalangan murid dapat diatasi jika guru melaksanakan proses pengajaran dengan sistematik dan berkesan.

Dalam kajian ini, penggunaan Kata Tanya dengan penekanan pada Kata Kerja telah diterapkan untuk membantu murid darjah dua menguasai kemahiran meluaskan ayat. Pada peringkat awal, latihan membina ayat diajar secara terkawal melalui penggunaan bahan rangsangan seperti gambar atau perkataan. Murid akan diminta untuk membina ayat mereka sendiri berdasarkan bahan rangsangan tersebut.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis merupakan satu cabaran kepada guru dan murid. Antara cabaran yang dihadapi ialah kelemahan murid untuk meluaskan ayat-ayat mereka. Kelemahan ini berpunca daripada kekurangan kosa kata bahasa Melayu. Zahratulnadirah Ibrahim (2012) mendapati bahawa murid lemah dalam penulisan ayat kerana penguasaan kosa kata yang terhad. Menurut Zaliza Mohamad Nasir (2017) pula, kekurangan



pengetahuan bahasa dan kekeliruan murid dalam penggunaan sistem bahasa menyebabkan murid lemah dalam penulisan.

Strategi dan kaedah pengajaran juga mempengaruhi penguasaan murid dalam kemahiran menulis ayat. Yahya Othman dan Suzanawaty Osman (2014) mendapati bahawa guru yang kurang mempelbagaikan kaedah dan teknik pengajaran boleh mengakibatkan murid kurang mahir dalam kemahiran menulis. Menurut Septian Diah Rosanti (2011), murid kurang bermotivasi dan kurang fokus dalam penulisan jika guru tidak mengaplikasikan media yang sesuai.

## **TUJUAN KAJIAN**

Tujuan kajian ini adalah untuk:

1. meneliti keberkesanan penggunaan Kata Tanya dalam membina ayat secara berstruktur; dan
2. menilai pemahaman murid-murid dalam penggunaan Kata Tanya dalam pembinaan ayat mengikut konteks.

## **KAJIAN LEPAS**

Kajian ini berpandukan kepada Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Rendah 2015. Hasil pembelajaran yang ingin dicapai bagi murid-murid darjah dua ialah mereka dapat menghasilkan pelbagai jenis frasa dan ayat.

Terdapat banyak kajian tentang kaedah pengajaran membina ayat telah dijalankan. Antaranya, kajian Manisah Osman dari Sekolah Rendah Yio Chu Kang. Dalam kajian yang dijalankan ke atas murid-murid darjah 3 yang bertujuan untuk melihat keberkesanan Strategi Penggunaan Pelbagai Keterangan dalam peluasan ayat. Menurut beliau (2017), penggunaan strategi yang dipilih itu telah berjaya meningkatkan kemahiran murid membina ayat yang bukan hanya lebih panjang malah gramatis dan menarik.

Kajian yang telah dijalankan oleh Muliana Mohamed di Sekolah Rendah



Jiemin (2013) bagi pengajaran meluaskan ayat pula menggunakan kaedah *5Ws1H* (Kata Tanya) secara berstruktur. Menurut beliau, perkara yang paling memuaskan hati beliau adalah melihat kepekaan murid-murid yang lebih sedar akan binaan ayat-ayat mereka apabila mengaplikasikan kaedah *5Ws1H* (Kata Tanya).

Berdasarkan kajian-kajian lepas ini, jelaslah bahawa pembelajaran bahasa yang dijalankan perlu memberikan erti dan menarik minat murid untuk terus kekal ingin belajar bahasa Melayu. Maka itu, kaedah penggunaan Kata Tanya juga diperkenalkan dalam pembelajaran membina ayat untuk subjek kajian ini.

## **KAEDAH KAJIAN**

Kajian ini dijalankan ke atas murid darjah dua yang mempunyai profil akademik yang berbeza, iaitu murid yang tinggi, sederhana dan rendah tahap pencapaian bahasa mereka. Justeru, pendekatan Pengajaran Pembezaan digunakan dalam pengajaran membina ayat ini.

Pengajaran dan pembelajaran melalui konsep Pengajaran Pembezaan (*Differentiated Instructions*) yang diutarakan oleh Tomlinson (2002) diaplikasikan dalam bilik darjah bagi melaksanakan kajian ini. Menurut beliau, Pengajaran Pembezaan merupakan respons guru terhadap keperluan murid yang berlandaskan kepada beberapa prinsip. Antaranya, persekitaran yang positif, kurikulum yang berkualiti, penilaian yang berterusan dan lain-lain lagi. Pengajaran Pembezaan boleh dilakukan melalui kandungan, proses, produk atau persekitaran bergantung kepada kesediaan murid, minat dan profil pembelajaran murid melalui pelbagai strategi yang harus disesuaikan dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) bahasa Melayu.

Kajian ini juga dilaksanakan selaras dengan saranan Amalan Pengajaran Singapura (STP). Berikut merupakan elemen-elemen STP yang digunakan dalam Jadual 1.



**Jadual 1: Penggunaan Elemen STP Dalam Pengajaran**

Proses Pengajaran	Aspek Pengajaran (AP)	Pertimbangan
<p><b>Penyediaan Pelajaran</b></p>	<p><b>AP11:</b> Memilih Strategi Pengajaran</p> <p>Penggunaan strategi yang sesuai menyumbang kepada peningkatan pelibatan murid membina pemahaman murid yang mendalam tentang subjek dan membawa pembelajaran murid yang berkesan.</p> <p>Strategi pengajaran yang dipilih:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Permainan Bahasa – ala Charade</li> <li>• Latih Tubi</li> <li>• Melakukan Tunjuk Cara</li> <li>• (modeling)</li> <li>• Kaedah Pengajaran Eksplisit</li> <li>• Penggunaan Teknik Kata Tanya</li> </ul>	<p><b>Pertimbangan 2:</b> Keselarasan dengan kriteria kejayaan dan bukti pembelajaran yang diperlukan.</p> <p>Kriteria Kejayaan LP:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Saya dapat membina ayat dengan berpandukan frasa kerja dan gambar yang diberi serta penggunaan SAB.</li> <li>2. Saya dapat memberi contoh kata kerja.</li> </ol> <p>MP:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Saya dapat membina ayat dengan berpandukan kata kerja dan gambar serta penggunaan Teknik Kata Tanya.</li> <li>2. Saya dapat memberi contoh kata kerja.</li> </ol> <p>HP:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Saya dapat membina ayat berpandukan kata kerja dan Teknik Kata Tanya.</li> <li>2. Saya dapat memberi contoh Kata Kerja.</li> </ol>
	<p><b>AP 12</b> Menetapkan Alat Bantu dan Bahan Pembelajaran</p> <p>Memilih alat bantu dan strategi pembelajaran sesuai dengan profil murid-murid yang mempunyai tahap kebolehan yang berbeza.</p>	<p><b>Pertimbangan 3:</b> Memastikan bahan-bahan tersebut memenuhi keperluan proses PdP.</p> <p>Profil Murid: Kekuatan akademik: LP - (kesukaran mengeja dan membaca)</p>



	Alat Bantu: Kad Imbasan Slaid powerpoint Buku Teks Cepak 2B Buku Aktiviti Cepak 2B Pena Penanda Tiket Masuk	MP – (boleh membaca tetapi masih teragak-agak) HP – (boleh membaca dengan lancar)
--	---	--

## SUBJEK KAJIAN

Kajian ini melibatkan 25 orang murid darjah 2 daripada kelas yang mempunyai pelbagai tahap keupayaan. Pemilihan subjek ini dilakukan untuk mengukur sejauh mana keberkesanan teknik Kata Tanya dalam membantu murid dalam pembinaan ayat. Murid-murid yang berkebolehan tinggi boleh membina ayat dengan pantas. Murid-murid berkebolehan sederhana boleh membina ayat walaupun biasanya mereka memerlukan masa untuk memikirkan ayat yang sesuai. Murid-murid berkemahiran rendah pula kelihatan mempunyai masalah untuk membina ayat dan biasanya ayat yang mereka bina mempunyai kesalahan yang amat ketara.

### Instrumen Kajian

Kajian ini dimulakan dengan permainan *Charade*. Kad imbasan yang mengandungi kosa kata berunsur Kata Kerja digunakan. Kosa kata ini digunakan untuk murid-murid membina ayat nanti. Beberapa orang murid dipanggil untuk melakonkan kosa kata yang ditunjukkan oleh guru. Setelah murid-murid yang lain meneka aksi berdasarkan Kata Kerja tersebut dengan tepat, guru akan menampal kad imbasan tersebut di papan putih.



Kad-kad imbasan yang mengandungi Kata Tanya juga disediakan bagi melancarkan PdP di dalam kelas. Kata Tanya yang digunakan bagi memperkenalkan Teknik Kata Tanya ialah siapa, apa, bila, di mana dan mengapa.

Guru juga menggunakan imejan yang beranimasi untuk menerangkan konsep kata kerja. ini dilakukan bukan hanya bertujuan untuk menarik minat

murid sahaja, malah memudahkan murid-murid yang berkebolehan rendah memahami makna perkataan yang dipelajari dengan lebih efektif.

Pemahaman murid dalam penggunaan Teknik Kata Tanya bagi membina ayat dinilai melalui Tiket Keluar. Penilaian formatif ini dilakukan setelah selesai sesi pelajaran ini. Rujuk Rajah 1.

**Rajah 1: Tiket Keluar**

Murid HP	Murid MP & LP
 <p style="text-align: center;"><i>Amy Airways</i> K3</p> <p>Teknik Kata Tanya</p> <p>SAB <input type="checkbox"/> SADI <input type="checkbox"/></p> <p>SADIB <input type="checkbox"/> SAM <input type="checkbox"/></p> <div style="border: 1px solid black; padding: 5px; margin: 10px auto; width: 80%;"> <p>Kata Kerja:</p> <p>memancing, memanjat, menggigit, membeli, mencuci</p> </div> <p>Ayat:</p> <hr/> <hr/>	 <p style="text-align: center;"><i>Amy Airways</i> K1 K2</p> <p>Teknik Kata Tanya</p> <p>SAB <input type="checkbox"/> SADI <input type="checkbox"/></p> <p>SADIB <input type="checkbox"/> SAM <input type="checkbox"/></p> <div style="border: 1px solid black; padding: 5px; margin: 10px auto; width: 80%;"> <p>Kata Kerja:</p> <p>memancing, memanjat, menggigit, membeli, mencuci</p> </div> <p>Contoh: Alif memancing di sungai semalam.</p> <p>Ayat:</p> <hr/> <hr/>

Pelajaran ini diakhiri dengan murid melakukan aktiviti lembaran kerja. Lembaran kerja yang digunakan bertujuan untuk mengukur tahap pemahaman dan penguasaan murid terhadap pelajaran membina ayat.

### Prosedur Kajian

Kajian ini telah melalui beberapa proses perbincangan awal yang mendalam antara guru-guru yang mengajar. Perbincangan yang memakan masa sebulan ini menganalisis profil dan keupayaan murid sebelum proses membina langkah pengajaran dilakukan.

Pelbagai teknik pengajaran dan aktiviti telah dikenal pasti dan dirancang untuk mengukuhkan proses pembelajaran murid. Semasa kajian pengajaran dijalankan, guru-guru yang terlibat telah memantau respons murid ketika mereka melakukan aktiviti. Setelah pelajaran selesai, sesi perbincangan diadakan di mana fokusnya berpusat kepada respons murid semasa melakukan aktiviti-aktiviti yang telah dirancang. Perbincangan antara guru-guru yang terlibat



ini bertujuan untuk meneliti sebarang kekurangan yang harus diperbaiki dan menghalusi teknik pengajaran supaya lebih bersesuaian dengan tahap para pelajar.

Pelajaran kajian ini dilaksanakan dalam jangka masa 90 minit. Pengajaran ini dilaksanakan selama dua hari. Pada hari pertama, pelajaran mengambil masa 60 minit manakala pada hari kedua, pelajaran dijalankan selama 30 minit.

Pada sesi pertama (hari pertama), guru menjalankan pembelajaran secara seluruh kelas. Pengajaran dimulakan dengan guru mengadakan permainan ala *Charade*. Murid-murid dikehendaki meneka lakonan rakan. Perkataan-perkataan Kata Kerja yang diteka ialah *memancing, menggigit, mencuci, memanjat dan membeli*. Setelah itu, guru menerangkan kepada murid-murid bahawa perkataan-perkataan yang disenaraikan di papan putih merupakan daripada golongan Kata Kerja. Perkataan-perkataan ini akan digunakan dalam pembelajaran membina ayat.

Seterusnya, guru menerangkan mengenai objektif pengajaran dan langkah-langkah pembelajaran yang akan diadakan. Menurut Saphier, Haley-Speca & Gower (2008), apabila guru memberitahu murid objektif pelajaran, murid lebih bersedia untuk menerima pelajaran dan lebih berfokus ketika mereka membaca, mendengar dan melihat arahan.

Guru mengimbas kembali pelajaran Kata Kerja dengan murid sebagai induksi pengajaran. Ini bertujuan untuk mengingatkan murid-murid kepada penggunaan Kata Kerja. Setelah itu, guru mengimbas kembali pelajaran dengan menggunakan Kata Tanya pula. Setelah menerangkan mengenai konsep Kata Kerja dan Kata Tanya, barulah guru menjelaskan cara-cara menggunakan Kata Tanya.

Guru memperkenalkan beberapa singkatan untuk memudahkan penggunaan Kata Tanya agar mudah diingati murid. Seperti contoh, SAB merujuk pada singkatan Siapa-Apa-Bila. Tiga lagi singkatan dapat dilihat pada Jadual 2. Kaedah Singkatan Kata Tanya yang amat bermanfaat kepada murid terutama sekiranya praaras berkebolehan (LP) dan murid lain yang mungkin



mengalami kesukaran untuk mengingat maklumat. Kaedah ini juga dapat meningkatkan ingatan kata atau idea yang kompleks dan juga memudahkan murid untuk membuat rujukan semasa membina ayat.

**Jadual 2 : Kaedah Singkatan Kata Tanya**

SAB	Siapa – Apa – Bila
SADi	Siapa – Apa – Di mana
SADiB	Siapa – Apa – Di mana – Bila
SAM	Siapa – Apa – Mengapa

Dalam aktiviti selanjutnya, guru menampal kad imbasan yang mengandungi Kata Tanya di papan tulis. Kemudian, guru akan memanggil murid untuk ke hadapan kelas untuk menulis ayat berdasarkan teknik Kata Tanya yang ditunjukkan. Guru akan memberikan maklum balas secara lisan kepada murid mengenai ayat yang mereka bina. Murid-murid yang dipilih adalah dari aspek akademik yang berbeza.

Pada akhir pengajaran hari pertama, guru memberikan Tiket Keluar kepada kesemua murid. Mereka akan melengkapkan Tiket Keluar ini dan memberikannya kepada guru. Guru dapat mengukur tahap pemahaman mereka berdasarkan ayat yang dibina oleh murid-murid melalui teknik Kata Tanya. Jika ada yang masih tidak jelas guru menerangkannya sekali lagi pada keesokan harinya.

Pada hari kedua, guru memberi penerangan pada permulaan pengajaran dengan bertujuan untuk mengukuhkan pemahaman murid serta mengimbas kembali pengetahuan sedia ada mereka tentang topik membina ayat melalui teknik Kata Tanya yang telah dipelajari. Kemudian, guru memberikan lembaran kerja kepada murid-murid. Guru memperuntukkan masa selama 20 minit untuk melakukan aktiviti ini. Murid akan diberikan latihan yang berbeza berdasarkan tahap keupayaan mereka. Warna kertas lembaran kerja yang diberikan kepada setiap kumpulan juga berbeza. Murid praaras kebolehan (LP) diberi lembaran kerja yang berwarna hijau. Murid yang berada pada aras kebolehan (MP) pula diberi lembaran kerja yang berwarna biru manakala, murid melebihi aras kebolehan (HP) diberi lembaran kerja berwarna putih. Ini dilakukan supaya



lebih senang untuk guru memantau kerana murid-murid tidak duduk dalam kumpulan masing-masing.

Murid-murid melakukan aktiviti mengikut kebolehan mereka. Kumpulan murid HP akan membuat kerja kumpulan secara sendiri. Kumpulan ini hanya diberi perkataan Kata Kerja untuk membina ayat. Bantuan diberikan jika diperlukan. Bagi kumpulan yang berada pada aras kebolehan mereka diberikan gambar dan perkataan Kata Kerja. Bagi murid LP pula, mereka diberi panduan yang lebih sedikit iaitu, frasa kerja dan gambar.

Pada akhir pengajaran, murid diarahkan supaya menunjukkan ibu jari ke atas atau ke bawah bagi menunjukkan tahap pemahaman mereka mengenai pelajaran yang diadakan pada hari itu. Hampir 100 peratus murid menunjukkan ibu jari ke atas. Penilaian formatif ini membuktikan keberkesanan penggunaan Teknik Kata Tanya dalam membina ayat.

## **DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

Bagi memperoleh maklumat tentang kajian ini, data kuantitatif dan kualitatif digunakan. Data kualitatif diperoleh daripada pemerhatian guru dan tugas harian murid-murid. Pada umumnya, dapatan kajian menunjukkan bahawa murid-murid darjah dua ini menunjukkan kelakonan dan reaksi yang positif terhadap pengajaran dan pembelajaran membina ayat berdasarkan kata/frasa kerja yang diberi. Pencapaian murid-murid mempelajari kemahiran menulis ini boleh guru gunakan untuk mengajar kelas di peringkat rendah yang lain.

Data kuantitatif pula diperoleh daripada respons Tiket Keluar murid dan analisis tugas murid secara individu. Guru menyingkap semula pelajaran membina ayat melalui Tiket Keluar pada akhir pelajaran hari pertama kajian diadakan. Melalui data ini, seramai 100% murid dapat mengingat semula singkatan atau akronim Kata Tanya yang dipelajari untuk digunakan dalam pembinaan ayat. Mereka juga dapat menghasilkan satu contoh ayat yang baik. Dapatan juga membuktikan murid dapat mengaplikasikan kaedah yang diajar dengan berkesan.

Setelah menyemak tugas murid membina ayat, didapati murid berjaya membina ayat yang berpandukan Teknik Kata Tanya mengikut tahap kebolehan mereka. Bagi murid praaras kebolehan, mereka terangsang semasa membina ayat kerana mereka dapat melakukannya dengan adanya bahan rangsangan yang diberi iaitu frasa kerja dan gambar. Mereka hanya perlu mengisi bahagian Siapa dan Bila. Dalam hal ini guru telah melakukan pembezaan dari segi produknya berdasarkan tahap kebolehan murid.

Berdasarkan hasil kerja murid yang dilihat dalam Jadual 3, boleh dikatakan bahawa 100% murid dapat mengaplikasikan teknik yang diajar sekiranya tidak diambil kira kesalahan ejaan yang ketara dan salah penggunaan huruf kecil serta huruf besar.

**Jadual 3: Contoh Hasil Kerja Murid**

<b>Kumpulan 1 (LP)</b>	<b>Kumpulan 2 (MP)</b>	<b>Kumpulan 3 (HP)</b>
Bahan rangsangan: Frasa kerja: memancing ikan Gambar Teknik Kata Tanya: SAB (Siapa-Apa-Bila) SADi (Siapa-Apa_Di mana)	Bahan rangsangan: Kata kerja: memancing Gambar Teknik Kata Tanya: SADi (Siapa-Apa-Di mana) SADiB (Siapa-Apa-Di mana-Bila)	Bahan rangsangan: Kata kerja: memancing Teknik Kata Tanya: SADiB (Siapa-Apa-Di mana-Bila) SAM (Siapa-Apa-Mengapa)
Adi memancing ikan semalam.	Zaid memancing di kolam setiap hari.	Fatin memancing kerana dia ingin sangat makan ikan.

## **KESIMPULAN**

Secara keseluruhan, kajian ini telah memberikan keyakinan kepada guru bahawa teknik Kata Tanya dalam pembelajaran membina ayat dapat dilaksanakan untuk kelas peringkat rendah bawah. Dengan menyesuaikan latihan dan aktiviti bagi memenuhi keupayaan murid yang berlainan, juga menyumbang kepada keberkesanan teknik yang diajar. Walau demikian, teknik ini harus diaplikasi berulang kali supaya murid-murid terlatih dan sekaligus menjadi kebiasaan semasa membina ayat.



Setelah menjalankan kajian ini, guru-guru yang terlibat sebulat suara merasakan bahawa pengajaran membina ayat dengan menggunakan Teknik Kata Tanya boleh diteruskan bagi murid-murid darjah dua kohort tahun hadapan. Bahan pengajaran seperti kad-kad imbasan, imejan yang berwarna-warni dan beranimasi juga memainkan peranan bagi menarik minat murid untuk mempelajari Bahasa Melayu.

Dalam perbincangan, guru-guru juga merasakan bahawa guru haruslah berani menggunakan wadah ICT bagi menyahut perkembangan teknologi. Mungkin dengan penggunaan platform SLS, PdP membina ayat boleh dilakukan agar dapat menghasilkan pemikiran yang produktif serta dapat membangkitkan minat murid mengikuti pelajaran Bahasa Melayu lebih baik lagi seperti mana Jonassen, Marra, Howland dan Crismond (2008) mengatakan bahawa dengan penggunaan teknologi dapat melibatkan murid dalam pelajaran dan merupakan alat yang menyokong pembelajaran yang bermakna.

Guru yang turut terlibat dalam kajian:

1. Sharmila Mohd Ismail

## **RUJUKAN**

Jonassen, Marra, Howland, Crismond. 3rd Edition (2008). *Meaningful Learning with Technology*, USA: Pearson

Septian Diah Rosanti. (2011). *Improving The Fifth Grade Students' Simple Sentence Writing Ability By Using Picture Cards In The Teaching Of English Ar SDN Kalisat 01 In The 2010/2011 Academic Year* (Degree's Thesis). Faculty Of Teacher Training And Education, Jember Universiti, Indonesia.

Saphier, J., Mary Ann Haley-Speca, Gower, R. (2007) *The Skillful Teacher: Building your teaching skills*, USA: RBT.

Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Rendah 2015, Singapore CPDD, MOE 2015.

- Tomlinson, C. A., & Strickland, C. A. (2005). *Differentiation in practice: A resource guide for differentiating curriculum, grades 9–12*. Alexandria, VA: ASCD.
- Yahya Othman & Suzanawaty Osman. (2014). Keupayaan Menguasai Kemahiran Menulis Melalui Pembelajaran Berasaskan Projek Dalam Penulisan Berbentuk Risalah Di Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 4(1), 19 – 29.
- Zahratulnadirah Ibrahim. (2012, September 27 – 28). Kesan Rumus “WAT” Dalam Membantu Murid Tahun Lima Membina Ayat Gambar Tunggal Bahasa Melayu. *Kertas Kerja Seminar Penyelidikan Tindakan IPG KBL Tahun 2012* (ms56 – 68). Kuching, Sarawak.
- Zaliza Mohamad Nasir. (2017). Kesalahan Tatabahasa Melayu Dalam Penulisan Karangan Pelajar. *LSP International Journal*, 4 (1), 23 – 35.

